

Maqasid Syariah *Hifz al-Din* dalam Konteks Patriotisme

[*Preserving Religion Objectives in the Context of Patriotism*]

BITARA

Volume 7, Issue 1, 2024: 258-270
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 16 February 2024
Accepted: 22 February 2024
Published: 13 March 2024

Muhammad Fakhur Razi Shahabudin,^{1*} Muhammad Yosef Niteh²
& Hairol Anuar Mak Din²

- 1 Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: nurfurqanrazi92@gmail.com
- 1 Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA
Email: hairolanuar@kuis.edu.my

*Corresponding Author: p112037@siswa.ukm.edu.my

Abstrak

Patriotisme adalah unsur penting yang wajib ada sebagai warga kepada sesebuah negara, kerana ia lambang dan jiwa sebagai warganegara. Namun kebelakangan ini pelbagai isu melibatkan agama, perkauman dan penghinaan terhadap institusi Diraja sehingga mengganggu gugat keharmonian dan keamanan rakyat Malaysia. Golongan belia kini lantang bersuara sehingga mengabaikan kepentingan prinsip rukun Negara yang seharusnya dijaga dan dijadikan sebagai pegangan dalam konteks hidup bernegara. Sehubungan dengan itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat konsep Maqasid Syariah iaitu *Hifz al-Din* dalam konteks patriotisme. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Berdasarkan data dari kajian lepas dan temubual bersama pakar akademik dari Universiti Malaya dan Universiti Sains Islam Malaysia, pengkaji mendapati terdapat elemen-elemen penting di dalam Maqasid Syariah *Hifz al-Din* yang signifikan dengan konteks patriotisme. Justeru, kajian ini akan melihat sejauh mana konsep Maqasid Syariah ini dapat diimplementasikan di dalam kontes patriotisme (cintakan negara).

Kata kunci: Maqasid Syariah, *Hifz al-Din*, Patriotisme, Prinsip Rukun Negara, Elemen.

Abstract

*Patriotism is an essential element that must exist in every citizen of a country, as it symbolizes the spirit of being a citizen. However, in recent times, various issues involving religion, ethnicity, and disrespect towards the Royal institution have arisen, disrupting the harmony and peace of the Malaysian people. The youth are now vocal, often neglecting the importance of upholding the principles of the National Principles that should be safeguarded and embraced in the context of living in a nation. In this regard, the purpose of this study is to examine the concept of Maqasid Sharia, specifically *Hifz al-Din*, in the context of patriotism. This study employs a qualitative approach. Based on data from past research and interviews with academic experts from Universiti Malaya and Universiti Sains Islam Malaysia, the researcher found significant elements within the Maqasid Sharia *Hifz al-Din* that are relevant to the context of patriotism. Therefore, this study will explore the extent to which the concept of Maqasid Sharia can be implemented in the context of patriotism (love for the country).*

Keywords: Maqasid Syariah, *Hifz al-Din*, Patriotism, Principles of Rukun Negara, Element.

Cite This Article:

Muhammad Fakhur Razi Shahabudin, Muhammad Yosef Niteh & Hairol Anuar Mak Din. (2024). Maqasid Syariah Hifz al-Din dalam Konteks Patriotisme [Preserving Religion Objectives in the Context of Patriotism]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 258-270.

Pengenalan

Stephen Nathanson (1993) menyatakan patriotisme sebagai satu perasaan istimewa untuk negara, satu perasaan identiti secara peribadi dengan negara, kerisauan utama terhadap kesejahteraan negara dan kesediaan berkorban untuk kebaikan negara. Patriotisme secara amnya didefinisikan sebagai satu sangkutan kepada negara. Fairbrother (2005) menegaskan patriotisme sebagai satu perasaan yang berkait dengan negara, tanggungjawab kepada bangsa dan ia adalah idea di mana negara mempunyai nilai yang membawa makna lebih daripada nilai individual.

David Archard (1999) mendefinisikan patriotisme sebagai perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air iaitu individu yang sanggup berkorban demi tanah air tercinta. Perasaan cinta terhadap tanah air ini pasti wujud di hati setiap individu warganegara Malaysia dalam usaha mencapai matlamat dan aspirasi negara. Semangat patriotisme dilihat sangat penting dalam konteks Malaysia sebagai negara yang rakyatnya berbilang kaum, patriotisme dapat menjadi titik pertemuan dan pasak kepada kepercayaan, kesatuan, keamanan dan keharmonian di dalam masyarakat.

Saifuddin Abdullah (2005) pula menjelaskan bahawa maksud patriotisme adalah cinta yang kental dan kekal terhadap bangsa dan negara Malaysia. Tetapi fokus atau bentuk patriotisme mungkin berubah mengikut masa dan keadaan. Dalam konteks Islam sebagai agama rasmi dalam perlembagaan persekutuan, Islam adalah wajah kepada negara Malaysia, sekali gus menunjukkan segala jenis pembangunan, perniagaan, pelaburan dan sebagainya semuanya berorientasikan konsep *Islamiyyah* iaitu Maqasid Syariah.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menelusuri sejauhmana keterikatan di antara Maqasid Syariah *Hifz al-Din* dan konsep patriotisme itu sendiri. Adakah patriotisme itu sebahagian dari perintah Allah SWT? Atau juga mungkin sebahagian dari sunnah Nabi SAW?

Maqasid Syariah

Dari sudut bahasa, Maqasid adalah merupakan kata jamak daripada *maqsad* dan *maqsid* (المقصد) dari perkataan *qasada* (قصد) dalam bahasa Arab yang bermaksud menuju ke suatu arah. Manakala syariat membawa maksud tempat terbit air yang menjadi sumber minuman, jalan, apa yang disyariatkan Allah dari aspek akidah dan hukum, agama dan pandangan mazhab yang jelas dan lurus.

Adapun Maqasid Syari'ah dari sudut istilah, maka para ulama telah mengemukakan definisi yang pelbagai, antaranya ialah: Muhammad Thahir ibn 'Asyur (2012) menyebut: "Makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh Syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus kepada mana-mana hukum Syarak yang tertentu".

Manakala Syeikh ‘Allal al-Fasi pula mentakrifkannya sebagai: “Tujuan-tujuan syariat serta rahsia-rahsianya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam.” Manakala Ahmad al-Raysouni (1992) pula berpandangan Maqasid Syariah merupakan: “Tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syariat bagi merealisasikan kemaslahatan manusia.”

Sa’ad Abd al-Rahman (2017) menyimpulkan bahawa takrif *maqasid* ialah “Objektif dan matlamat yang mengandungi hukum-hakam syariah, bertujuan mengukuhkan hukum syariah demi kepentingan manusia serta mengelak kebinasaan”. Takrifan yang diberikan oleh para ulama silam kesemuanya berkaitan *maqasid* syariah sama ada maqasid umum atau khusus kerana ilmu *maqasid* adalah sangat sinonim dengan perbincangan usul fiqh. Maksud maqasid juga terdapat dalam perkataan lain seperti hikmah, masalah dan selainnya dan dibincangkan dalam pelbagai kitab terutama dalam kitab fiqh, al-qawa‘id al-fiqhiyyah dan usul al-fiqh.

Imam al-Ghazali merupakan pembuka ruang kepada penulisan maqasid shariah melalui penulisan beliau yang sangat memberi kesan kepada ilmu *maqasid al-Quran* dalam kitab *Jawahir al-Quran* (Yusuf, 1994). Setelah itu Ibn ‘Asyur telah mengarang sebuah kitab yang sangat berharga sehingga menjadi rujukan utama dalam maqasid shari‘ah iaitu *Maqasid al-Shari‘ah al-Islamiyyah*. Kesimpulannya, konsep maqasid syariah berdasarkan takrif-takrif di atas dapat disimpulkan kepada pemahaman terhadap “tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Syari‘at Islam dalam hukum-hakam yang disyariatkan serta rahsia di sebaliknya dengan tujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia” (Bayan Linnas, 2018).

Pemeliharaan terhadap masalah manusia terangkum di bawah lima kategori utama yang mesti dipelihara. Imam al-Shatibi (1996) berkata: Adapun daruriyyah, maksudnya ialah sesuatu yang mesti ada dalam membina maslahat agama dan dunia. Tanpa kewujudan kepentingan-kepentingan asas ini, maka urusan kehidupan dunia tidak akan berjalan dengan betul. Tetapi ia akan rosak, kacau bilau serta kehidupan akan musnah. Manakala pada kehidupan akhirat, hilangnya kesejahteraan dan kenikmatan dan kembali dengan kerugian yang nyata.

Dr Wahbah al-Zuhaili (1986) pula menyebutnya sebagai maslahat yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia sama ada keagamaan atau keduniaan. Apabila ia hilang, maka kehidupan dunia akan cacat, kerosakan akan menyebarkan luas dan kebahagiaan abadi (di akhirat) akan hilang. Sebagai gantinya iaitu hukuman di akhirat.

Ilmu maqasid panduan untuk akal manusia dalam memahami nas dan menolak pemikiran yang liberal dalam memahami nas seperti mana kenyataan Ibn Qayyim, “asas dan binaan syariah adalah masalah hamba ketika hidup dan mati, adil, rahmat, masalah dan hikmah keseluruhannya”. Maqasid sangat penting untuk semua perkara yang dilakukan oleh umat Islam. Setiap perkara perlu kepada rohnya seperti roh al-Quran adalah maqasidnya (al-Raysuni, 2013).

Oleh kerana objektif syariah adalah untuk memelihara kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat maka memahami konsep masalah adalah suatu yang amat penting bagi memastikan penentuan masalah diiktiraf oleh syarak. Kamus al-Munjid menjelaskan maksud al-maslahat sebagai sesuatu yang menghasilkan kebaikan iaitu perbuatan-perbuatan yang dilakukan manusia bagi menghasilkan kebaikan bagi dirinya dan masyarakatnya (Lois Na’luf, 1987). Imam al-Shatibi menjelaskan masalah ialah “Sesuatu yang difahami untuk memeliharanya sebagai suatu hak hamba, bagi meraih kemaslahatan dan menolak kefasadan yang diketahuinya tidak didasarkan pada akal semata-mata, apabila Allah SWT tidak

memberikan penegasan terhadapnya, bahkan menolaknya, maka kaum muslimin hendaklah sepakat menolaknya sebagai kemaslahatan". Berdasarkan takrifan di atas, maka masalah boleh dibahagikan kepada tiga iaitu:

1. *Maslahah Mu'tabarah*: Masalah yang bertepatan dengan syarak sama ada dengan nas yang jelas atau ijmak atau sesuatu yang berkaitan dengan nas (qiyas) atau dijelaskan melalui dalil yang khas (Wahbah al-Zuhayli, 1986).
2. *Maslahah al-Mulghah*: Masalah yang tidak dibuktikan melalui nas syarak, malah ia dibuktikan bertentangan dengan syarak (Wahbah al-Zuhayli, 1986).
3. *Masalih Mursalah*: Menurut al-Ghazali (t.t), *masalih mursalah* adalah suatu masalah yang tidak berlawanan dengan nas syara' tetapi tidak berkaitan dengan nas yang tertentu. *Masalih mursalah* adalah sesuatu kebaikan yang diterima syarak walaupun tiada nas yang berkaitan dengannya. Oleh itu, qiyas digunakan bagi menentukan hukum ke atasnya (Ibn Asyur, 2007). Walaubagaimanapun penggunaan *masalih mursalah* adalah selepas ketiadaan nas daripada al-Quran, al-Sunnah, ijmak ulama dan qiyas.

Imam al-Shatibi (1996) membahagikan masalah dari sudut kekuatan kesannya dalam kehidupan manusia kepada tiga iaitu *daruriyyat*, *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat*, iaitu:

1. *Al-Daruriyyat*: Iaitu keperluan sesuatu masalah sampai ke tahap yang sangat genting dan mendesak sehingga berada dalam keadaan yang merbahaya dan mengancam seseorang. Oleh itu kehilangan perkara *daruriyyat* akan mengancam kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akan ditimpa azab yang amat pedih di hari akhirat nanti. Al-Ghazali membahagikan masalah kepada lima perkara pokok yang dikenali sebagai *al-usul alkhamshah* (lima dasar) iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.
2. *Al-Hajjiyyat*: Iaitu suatu keperluan bagi kelegaan dan menghilangkan kesempitan yang pada lazimnya boleh membawa kepada kesusahan dan kesempitan tanpanya. Dengan perkataan lain, ia adalah sesuatu yang berkaitan dengan keperluan hidup yang umum dan tidak sampai ke tahap darurat dan tidak pula sampai ke peringkat yang boleh mendatangkan fasad atau binasa pada adatnya.
3. *Al-Tahsiniyyat*: Iaitu sesuatu yang boleh mengelokkan keadaan manusia dan menjadikannya serasi dengan kehendak maruah dan akhlak yang mulia seperti kebersihan, fesyen menutup aurat, adab makan dan sebagainya.

Konsep *Hifz al-Din*

Konsep pembahagian *dharuriyat al-Khams* buat pertama kalinya telah digunakan oleh *Hujjatul Islam* Imam al-Ghazali, menurutnya maksud Syarak untuk makhluk lima perkara iaitu: Memelihara mereka berkenaan dengan Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta. Setiap satunya mengandungi pemeliharaan asas yang lima ini, iaitu maslahat. Dengan luputnya satu daripadanya, maka ia membawa kepada mafsadah (al-Ghazali, 1994).

Agenda utama yang *dharuri* dalam Maqasid syariah adalah *Hifz al-Din* iaitu memelihara agama. Istilah ini merupakan gabungan (muraqabah) antara dua perkataan iaitu *hifz* (menjaga/

memelihara) dan juga al-Din (agama). Dari sudut bahasa, al-din bermaksud ketaatan dan kepatuhan (الطاعة والالتقياد). Adapun al-din dengan konsep umum bermaksud apa yang diyakini dan dipercayai oleh manusia dari perkara-perkara yang ghaib dan boleh disaksikan. Manakala al-din dengan konsep khusus pula bermaksud menyerah dan patuh kepada Allah SWT. Dan al-din juga bermaksud agama Islam dan akidah tauhid, yang merupakan agama semua para rasul dari Adam dan Nuh hingga kepada penutup segala Nabi Muhammad SAW.

Asas bagi teori *hifz al-din* ini dapat dicerap melalui ayat-ayat al-Quran yang terlalu banyak membicarakan tentang agama. *Hifz al-Din* merupakan salah satu *dharuriyyat* yang lima, di mana ia perlu dijaga oleh setiap orang yang mengaku sebagai Islam dan mukmin. Suruhan kepada Ubudiyah atau mentauhidkan Allah SWT itu sendiri sebagai pencipta amat jelas di dalam al-Quran dan dilihat sebagai salah satu maqasid al-syariah. Allah SWT berfirman dalam surah al-Zariyat ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Maksudnya: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaKu.”

Imam al-Qurtubi (t.t) menyatakan, ayat ini menyuruh manusia dan jin untuk mentauhidkan Allah SWT sebagai Tuhan Yang Esa. Beliau menukikan kata-kata Ali R.A, Allah SWT tidak menciptakan manusia dan jin kecuali untuk menyuruh mereka (manusia dan jin) beribadat. Nas al-Quran di atas menjelaskan kepada kita berkenaan pengabdian dan perhambaan diri kepada pencipta adalah satu maqasid yang dituntut. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ma'idah ayat 3:

وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: Dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.”

Imam al-Baidhawi mengatakan, “Allah SWT telah memilih untuk semua makhluknya agama (Islam) diantara agama-agama yang ada untuk diterima di sisi Allah SWT dan bukan yang lain.”

Hifz al-Din ditakrifkan sebagai satu kaedah umum (*kulliy*) yang merangkumi penetapan rukun-rukun dan hukum-hakam agama dalam kehidupan dan kewujudan manusia, dan segala usaha ke arah menyanggah segala perkara yang bertentangan dengan agama Allah SWT seperti kekufuran, bidaah dan sebagainya. *Hifz al-din* dianggap sebagai *dharuriyyat* yang paling penting di antara *daruriyyat khams*. (Nuruddin Mukhtar al-Khadimi, 2001).

Secara umumnya, konsep *hifz al-Din* merangkumi dua dimensi, iaitu dimensi *al-wujud* (positif) dan dimensi *al-'adam* (negatif). Antara contoh bagi dimensi *al-wujud* ialah pensyariatan iman, ibadah-ibadah rukun seperti solat, haji, puasa dan zakat (al-Syatibi, 1996). Manakala contoh bagi dimensi *al-'adam* pula seperti pensyariatan hukum hudud ke atas orang yang murtad dan hukuman *ta'zir* ke atas penyebar ajaran sesat dan menyeleweng. Namun terdapat juga para ulama' kontemporari yang meluaskan cakupan konsep *hifz al-din* ini dan tidak lagi sekadar terikat dengan tafsiran-tafsiran lama.

Implimentasi *Hifz al-Din* dalam Patriotisme

Umumnya *Hifz al-Din* lebih khusus kepada perbincangan melibatkan konsep dalam beragama, samada mencakupi konsep kebebasan beragama (*hurriyyah al-I'tiqad*), memelihara *haqq al-Tadayyun* (hak untuk beragama) atau meletakkan *haqq al-Tadayyun* sebagai salah satu wasilah untuk mencapai *hifz al-Din*. Namun pada konteks patriotisme sejauh mana ianya dapat diimplimentasi dan diadaptasi. Berikut dua pandangan pakar tentang pendefinisian patriotisme menurut kerangka syariah:

Data RP 1:

Islam sebagai agama yang syumul merangkumi segala konteks dan konsep dalam kehidupan bermula dari bangun tidur sehinggalah tidur kembali. Sebagaimana agama adalah the way of life, patriotisme juga bersifat demikian, setiap perkara yang dilakukan oleh seseorang individu akan menzahirkan sama ada perbuatannya menggambarkan dia seorang yang patriotik atau tidak. Perbuatan tidak mematuhi lampu isyarat sudah menunjukkan dia seorang yang tidak patriotik, kerana telah melanggar prinsip kedaulatan dan undang-undang. Justeru, setiap perbuatan, percakapan, semangat dan nilai-nilai patriotisme mestilah dalam cakupan yang berpaksikan Islam, kerana setiap yang berpaksikan Islam pastilah mencakupi nilai dan semangat patriotisme. Sekali gus menunjukkan bahawa patriotisme atau cintakan negara termasuk dalam nilai-nilai mahmudah yang seharusnya ada dalam karakter dan akhlak seorang muslim.


Data RP 2:

Sekiranya negara itu mendukung aspirasi Islam, maka mencintainya adalah ibadah. Apa sahaja yang dilakukan termasuk perbuatan menzahirkan kecintaan kepada negara, akhirnya akan kembali kepada neraca Islam, wujudnya dosa dan pahala, syurga dan neraka. Patriotisme syariah adalah rasa cinta kepada negara kerana Allah dalam rangka mencapai keredaan Allah. Ianya adalah hubungan dua hala antara negara dan rakyat, yang mana mempunyai tanggungjawab dan hak masing-masing yang sesuai dengan kehendak syarak.

Berdasarkan pendefinisian patriotisme menurut kerangka syariah di atas, dapat disimpulkan bahawa patriotisme ialah sesuatu yang tidak mendatangkan mudarat, malah bertujuan untuk memelihara kemaslahatan individu dan negara. Di dalam konteks Maqasid ia termasuk dalam kategori *al-Tahsiniyyat*, iaitu sesuatu yang boleh mengelokkan keadaan manusia dan menjadikannya serasi dengan kehendak maruah dan akhlak.

Justeru itu, Imam al-Shatibi membahagikan urusan pemeliharaan kesucian agama Islam kepada dua aspek iaitu; pertama, memastikan ajaran Islam dilaksanakan sama ada yang berkaitan dengan fardu ain atau fardu kifayah. Kedua, agama Islam mestilah dilindungi

daripada pupus dengan memastikan penganutnya menjauhi dosa kecil, dosa besar serta perkara bidaah (al-Syatibi, 1996). Berikut rajah 1 di bawah adalah kerangka model *Hifz al-Din*:



Rajah 1: Model *Hifz al-Din*

1. *Al-Hakimiyyah*

Kedaulatan perundangan atau *al-hākimiyyah* adalah hak mutlak Allah SWT. Oleh itu hanya Allah SWT berhak menentukan sesuatu itu halal atau haram (Alias Othman, 1991). Justeru sebuah kerajaan Islam tidak memiliki kuasa mutlak untuk menggubal undang-undang melainkan akur dengan kehendak Allah. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 107 yang bermaksud:

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Maksudnya: “Tidakkah kamu mengetahui bahawa kerajaan langit dan bumi adalah kepunyaan Allah”

2. *Al-Tarbiyyah*

Menjadi satu kewajipan kepada sebuah kerajaan Islam untuk mendidik rakyatnya, sama ada Islam atau bukan Islam. *Tarbiyyah* atau pendidikan kepada orang Islam dibahagikan kepada dua iaitu orang yang baru memeluk Islam, dikenali sebagai muallaf dan orang Islam berasal dari keturunan. Justeru kedua-dua kelompok ini mesti dididik mengenai akidah yang sahih dan larangan melakukan jenayah murtad di dalam Islam.

3. *Al-Wiqayah*

Kesalahan murtad adalah jenayah yang paling besar di dalam Islam. Justeru pemerintah hendaklah mengambil tindakan pencegahan yang bersungguh-sungguh bagi menangani

jenayah ini. Malah para ulama mengusulkan supaya langkah jihad untuk mempertahankan akidah hendaklah diambil bagi membendung jenayah tersebut. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Tawbah ayat 5:

فَإِذَا أَسْلَخَ الْأَشْهُرَ الْحُرُمَ فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَأَحْصِرُوا لَهُمْ وَأَقْعُدُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصِدٍ
فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “Maka bunuhlah orang-orang musyrikin itu di mana saja kamu jumpai mereka, dan tangkaplah mereka. Kepunglah mereka dan intailah di tempat pengintaian. Jika mereka bertaubat dan mendirikan solat dan menunaikan zakat, maka berilah kebebasan kepada mereka untuk berjalan. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”

4. Al-‘Uqubah

Apabila pelbagai usaha di atas telah dilakukan oleh pemerintah untuk mengawal akidah orang Islam tetapi masih lagi berlaku jenayah murtad maka para penjenayah murtad hendaklah dihukum supaya gejala murtad tidak merebak di kalangan rakyat. Di samping itu, ia juga akan menimbulkan rasa takut untuk keluar dari Islam.

Seterusnya, setelah meneliti kajian-kajian lepas dan pandangan dari pakar-pakar akademik, pengkaji menyimpulkan beberapa elemen penting yang boleh disinergikan bersama di antara *Hifz al-Din* dan juga patriotisme. Berikut rajah di bawah adalah struktur elemen *Hifz al-Din* dalam patriotisme.



Rajah 2: Elemen *Hifz al-Din* dalam Patriotisme

Rujukan: Kajian lepas dan temubual pakar

1. Mencegah agama dari sebarang kerosakan

Agama Islam menjadi teras kepada tamadun Islam. Oleh itu, menjadi tanggungjawab penganutnya untuk mempertahankan agama Islam. Islam ialah agama Allah SWT dan merupakan nikmat yang paling besar bagi menyelamatkan manusia daripada segala bencana. Islam sebagai agama perlembagaan telah mengkoordinasikan Raja sebagai ketua agama Islam di dalam negara, sekali gus memperkukuh kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia (Azilah, A. N., Haniffa, M. A., & Asikin, W. N., 2018).

Majlis Raja-raja bertindak sebagai ketua agama di negeri masing-masing. Kebiasaannya Majlis Raja-raja di setiap negeri berperanan secara bersama atau persetujuan ramai dalam menentukan hal-hal mengenai agama Islam di peringkat Persekutuan (Azilah, A. N., Haniffa, M. A., & Asikin, W. N., 2018).

Kedudukan agama Islam tetap dipelihara dengan pelaksanaan Maqasid Syariah di Malaysia. Maqasid Syariah merangkumi lima perkara iaitu agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara kehormatan dan keturunan serta menjaga harta benda. Akan tetapi yang dibincangkan dalam artikel ini hanyalah berkaitan dengan agama sahaja. Pelaksanaan Maqasid Syariah terhadap agama Islam khususnya dapat mengangkat martabat Islam sebagai agama rasmi di Persekutuan Malaysia. Di samping itu, kedudukan agama-agama lain tidak dipinggirkan. Malah juga dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Azilah, A. N., Haniffa, M. A., & Asikin, W. N., 2018).

2. Menghayati agama

Konsep penghayatan agama yang mencakupi dimensi akidah, ibadah, akhlak dan syariah mempunyai kaitan rapat dengan aspek dalaman atau kerohanian. Ini kerana kesempurnaan penghayatan keempat-empat dimensi yang disebutkan memberi kesan kepada kerohanian seseorang (Zulkiple Abd Ghani & Nor Salimah Abu Mansor, 2006).

Al-Qaradawi (1984) menggambarkan konsep penghayatan agama sebagai menghayati agama dalam segenap aspek kehidupan dengan penuh kebulatan (menyeluruh) berdasarkan pengertian menghayati akidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup, serta akhlak mulia sebagai etika hidup 3 termasuk menjauhi perbuatan syirik dan perbuatan-perbuatan lain yang ditegah oleh Allah SWT. Dalam hal ini, Sayyid Qutb (1983) berpandangan bahawa seluruh kehidupan manusia mesti bersumber kepada agama yang mengandungi sistem hidup yang sesuai dengan fitrah kemanusiaan yang dapat direalisasikan dalam semua aspek kehidupan.

3. Menghormati agama lain untuk diamalkan

Ketika umat Islam diseru untuk menghormati dan bertolak ansur dengan agama lain, tidak bererti perkara ini boleh dilakukan secara mutlak dan tanpa batasan, kerana setiap perkara jika tidak dibatasi akan membawa kepada sikap melampau atau mempermudah. Menghormati agama lain bukan bererti mengambil mudah prinsip-prinsip agama Islam atau memperlekehkannya. Secara ringkas dalam menghormati agama lain perlu dipelihara tiga batasan berikut:

- a. Menghormati agama lain tidak membawa kepada penyerupaan dengan mereka yang dilarang syarak.
- b. Penghormatan itu hendaklah berbangkit dari keinginan hidup bersama dan saling mengenali, bukan berpunca dari penindasan atau kezaliman dari pihak yang dihormati atau mengagungkan mereka, kerana yang demikian itu adalah sifat kelemahan dan kenaiifan.
- c. Penghormatan itu tidak mengakibatkan terabainya kewajipan agama atau tuntutan atau tergadainya kehormatan dan kemuliaan agama Islam (Yusuf, 2020).

4. Mempertahankan agama

Akidah merupakan asas utama dalam keimanan seseorang Muslim. Ia menjadi simpulan (*'uqdah*) yang kukuh dalam hati seseorang umat Islam mengenai keimanan kepada Allah SWT dan ajaran Islam yang disampaikan melalui rasul-rasul-Nya. Asas ini dibina berdasarkan kepercayaan dan keimanan dengan hati pada rukun Iman yang meliputi kepercayaan kepada Allah, kepercayaan kepada Rasul, kepercayaan kepada Malaikat, kepercayaan kepada Kitab, kepercayaan kepada qada' dan qadar dan kepercayaan kepada Hari Kiamat. Dalam memastikan seseorang Muslim itu mukmin, mereka dikehendaki mempercayai kepada semua keenam-enam elemen ini tanpa terpilih. Kekurangan satu daripadanya boleh menatijahkan seseorang itu gugur akidah atau tidak beriman (S. Jasni, 2016).

Berdasarkan kepentingan pemeliharaan akidah ini, para pemerintah (umara') dan ulama mempunyai tugas berat dalam memastikan penganut agama sentiasa patuh dan taat pada akidah Islam. Dalam hal ini, ulama dan umara' bukan sahaja menyuruh melakukan perkara yang baik (*al-amr bi al-ma'ruf*), malah mesti melarang manusia daripada melakukan kemunkaran (*wa al-nahy 'an almunkar*) dan syirik (*al-syirk*). Dalam hal ini, tanggungjawab yang dipegang adalah untuk menjaga agama (*hifz al-din*) daripada kepercayaan yang salah dan sesat (S. Jasni, 2016).

Justeru, terdapat dua langkah yang mesti dilaksanakan dalam memastikan kelestarian pemeliharaan agama (*hifz al-din*) berdasarkan maqasid al-syari'ah iaitu: (Ziad Muhammad Ahmidan, 2008).

- a. Memastikan kewujudan dan kelangsungan agama Islam melalui amalan beragama, pelaksanaan segala syiar Islam menerusi kerja-kerja dakwah dan tazkirah.
- b. Membendung pencemaran akidah Islam melalui amar makruf nahi munkar, menghapuskan bidaah, mencegah murtad dan berjihad di jalan Allah SWT.

5. Membela negara (jihad)

Sebahagian umat Islam memahami jihad dengan maksud yang berbeza sangat sedikit, walaupun pengertian jihad itu cukup luas iaitu semua aktiviti manusia boleh diorientasikan kepada jihad di jalan Allah SWT. Fuqaha memahami jihad dalam bentuk dakwah seperti Imam Hanafi yang memahami jihad sebagai dakwah terhadap orang kafir supaya mereka mahu memeluk Islam dengan berperang sekiranya mereka menolak ajakan tersebut itu. Kemudian pengikut Imam Malik, jihad ditakrifkan sebagai perang umat Islam menentang orang kafir untuk menegakkan agama Allah, serta pengikut Imam Syati'i dan Ibanbal (Azzam. 1992).

Jihad menjadi titik tolak seluruh upaya untuk mewujudkan jati diri yang bermula dari kesedaran. Kesedaran harus berdasarkan pengetahuan dan tidak datang dengan paksaan, atau melakukan jihad dengan terpaksa. Jadi jihad harus memiliki niat yang benar, maka jihad menjadi sebuah kewajiban untuk membela kebebasan yang beragama dan membela orang-orang yang tertindas laki-laki dan perempuan dan anak-anak yang memerlukan pertolongan. Secara tidak langsung ianya menjadi salah satu tanggungjawab serta kewajiban bagi kaum muslimin untuk menolong orang-orang yang tertindas kecuali terhadap sekelompok orang-orang yang mengikat perjanjian dengan kaum muslimin (Filzatunnafsi & Khazri Osman, 2022).

6. Memperkasa keyakinan terhadap agama

Tajul Ariffin & Nor 'Aini Dan (2002) menyatakan, untuk menjana kekuatan sesebuah bangsa dan negara, kekuatan agama hendaklah dibina dan dikembangkan di semua peringkat pendidikan. Manakala untuk mencapai matlamat memiliki warganegara yang baik, asas-asas pembinaan manusia haruslah bersepadu dan bermula dengan pembinaan akidah yang benar dan kukuh. Potensi intelek manusia hendaklah disemai ke arah kebenaran, daya pemikiran yang kreatif dan inovatif, logik dan analitis yang akan melahirkan ilmu yang bermanfaat dari segi teori dan praktis. Manakala potensi rohani pula haruslah menggarap aspek-aspek keyakinan terhadap Allah SWT, penghayatan nilai-nilai murni dan norma bermasyarakat serta berbudi pekerti mulia. Potensi jasmani pula hendaklah dipandu ke arah aspek kecerdasan fizikal dan kesihatan mental yang berfungsi untuk berbakti kepada masyarakat dan negara (Tajul Ariffin dan Nor 'Aini 2002).

7. Agama sebagai cara hidup

Karakter utama dari Islam ialah ia tidak membenarkan sesuatu pertentangan, juga pemisahan yang ketara antara kehidupan kerohanian dan kehidupan dunia. Islam tidak sekadar membataskan dirinya untuk membina ketinggian kerohanian dan akhlak semata-mata. Ruang lingkup peraturan yang dikemukakannya mencakupi segenap bidang kehidupan insan. Ia hendak melahirkan bukan sahaja ketertiban hidup diri individu malah ketertiban hidup masyarakat manusia seluruhnya ke dalam pola-pola yang sihat dan bersih (Sayyid Abul A'la Maududi, 1996).

Dengan demikian keamanan, kebahagiaan dan kemakmuran akan memenuhi segenap pelusuk muka bumi dan saujana samudera. Cara hidup Islam didasarkan atas satu pendekatan yang unik kemas serta mantap dan ia merupakan konsep istimewa tentang kedudukan insan dalam alam semesta ini. Itulah sebabnya mengapa perlunya memahami terlebih dahulu *Tasawwur Islam* (konsep hidup menurut ajaran Islam) sebelum menangani atau membincangkan persoalan berkaitan masyarakat, politik dan ekonomi dari perspektif Islam (Sayyid Abul A'la Maududi, 1996).

Prof Madya Sharifah Hayaati (2023) dalam sesi temubual menyatakan bahawa *Islam is the way of life*, ianya syumul merangkumi segala sudut dalam kehidupan, tidak kira siapa dan tidak kira kaya atau miskin, ianya agama untuk semua bangsa manusia dan relevan sepanjang zaman.

8. Mengislamisasikan prinsip rukun negara

Menurut Prof Madya Dr Lukman Abd Mutalib (2023), elemen syariah dalam konteks patriotisme mungkin dapat dirujuk melalui prinsip rukun negara yang sedia ada, kerana ianya telah merangkumi segala sudut perlembagaan dan persekutuan. Caranya adalah melihat prinsip rukun negara dari sudut perspektif Islam, meletakkan segala prinsip sesuai dengan kehendak syariat, berpandukan al-Quran dan Sunnah Nabi SAW, dibantu dengan kaedah maqasid syariah berdasarkan *furu'* dan *waqi'* sebagaimana Malaysia negara yang memiliki masyarakat yang beraneka ragam agama dan bangsa.

Kesimpulan

Kesimpulannya, Maqasid Syariah *Hifz al-Din*, patriotisme dan prinsip rukun negara mempunyai hubung kait yang kuat bagi memastikan kemaslahatan masyarakat di Malaysia. Dasar kepada kekuatan sebuah tamadun sumbernya adalah agama, sebagaimana Nabi SAW membawa agama untuk mengubah ketamadunan Arab kepada tamadun yang unggul. Pelbagai bentuk rangka dan konsep yang tertulis di dalam sirah termasuklah piagam Madinah, bagaimana baiah di antara Muslim dan bukan Muslim dalam sesebuah kerajaan. Justeru itu, pentingnya maqasid syariah dan prinsip rukun negara menjadi alat dalam menyatukan masyarakat yang berbilang kaum dan agama di Malaysia.

Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah tajaan geran FRGS, nombor kod FRGS/1/2021/SSI03/KUIS/03/1 bertajuk "Model Patriotisme Patuh Syariah berasaskan Prinsip Rukun Negara dalam kalangan Masyarakat Majmuk di Malaysia".

Rujukan

- Ahmidan, Ziyad Muhammad. (2008). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Azilah, A. N., Haniffa, M. A., & Asikin, W. N. (2018). Peran Maqasid Syariah Dalam Memelihara Kedudukan Agama Islam di Malaysia. *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies*, 2(1), 35-46.
- David, A. (1999). *Should We Teach Patriotism?* (157-173): Netherlands. Kluwer Academic Publishers.
- al-Fasi, Allal. (1993). *Maqasid as-Syari'ah wa Makarimuha*. Darul Gharb al-Islamiya, hal 7.
- Filzatunnafsi & Khazri Osman. (2022). *Kajian Persepsi Pelajar Fakulti Pengajian Islam Terhadap Konsep Jihad dalam Quran dan Hadith*. Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022, Interaksi Dakwah Di Malaysia Merentas Zaman, 14-15 Julai 2022, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Ghani, Z. A., & Mansor, N. S. A. (2006). Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: Analisis terhadap beberapa pandangan al-Imam al-Ghazali. In *Proceeding in National Student Development Conference (NASDEC)* (pp. 8-9).

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1994). *Al-Mustafa min al-Ilmu al-Usul*. Dar al-Qalam.
- Ibn 'Asyur, Muhammad Thahir. (2012). *Maqasid as-Syari'ah al-Islamiyyah*. Darussalam, hal. 55.
- Al-Khadimi, Nuruddin Mukhtar. (2001). *Ilm Maqasid al-Syariah*. Riyadh: Maktabah al-Abikan.
- Lukman Abd Mutalib. (Mac 2023). Model Patriotisme Patuh Syariah Berasaskan Prinsip Rukun Negara. *Temubual Pakar*: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mawdudi, Sayyid Abul A'la. (1996). *Islam Way of Life*. King Fahd National Library.
- Nathanson, S. (1993). *Patriotism, Morality, and Peace*. Lanham: Rowman & Littlefield.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1984). *Ke Arah Pelaksanaan Syariah Islamiyyah*. Terj. Abdul Rahman Ahmad Jerlun. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Qutb, Sayyid. (1983). *al-Mustaqbal li hadha al-Din*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- al-Raysuni, Ahmad. (1992). *Nazhariyyat Al-Maqasid 'indal Imam as-Syathibi*. Ad-Dar al-'Alamiyyah lil Kitab al-Islamiy, hal. 19.
- Al-Raysuni. (2013). *Maqasid al-Maqasid al-Ghayat al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyyah li Maqasid al-Syariah*. Beirut: al-Shabkah al-'Arabiyyah li al-Ahbas wa al-Nashr.
- Saifuddin, A. (2005). *Patriotisme Alaf Baru: Dari Semangat kepada Khidmat*. Belia dan Patriotisme Malaysia. Dlm Hussain Mohamed. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).
- Sharifah Hayaati Syed Ismail. (Februari 2023). Model Patriotisme Patuh Syariah Berasaskan Prinsip Rukun negara. *Temubual Pakar*: Universiti Malaya.
- al-Shatibi, Ibrahim ibn Musa Abu Ishaq. (1996). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Sulong, J. (2016). Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-Undang dan Fatwa di Pulau Pinang: Safeguard the Islamic Faith: An Analysis from Law and Fatwa Enforcement in Pulau Pinang. *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18, 1-34.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini. (2002). *Pendidikan dan pembangunan manusi pendekatan bersepadu*. Selangor: Al-Syabab Media.
- Yusuf, Ahmad. (2020). *al-Tasamuh al-Islamiyy wa Dauruhu fi al-Ta'yush al-Silmi Baina Abna al-Wathan*. Mesir: Dar al-Ta'lim al- Jamie.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dar al-Fikr wa al-Mouaser.